



Permintaan terhadap buruh mahir terutama graduan daripada sektor TVET kerana industri rel sememangnya memerlukan kepakaran dalam bidang ini”

Mohd Afzanizam Abdul Rashid,
Ketua Ekonomi
Bank Islam Malaysia Bhd

MRT3 berupaya rancak pertumbuhan ekonomi



Isu utama yang belum selesai adalah kos projek. Jika pembiayaan menerusi hutang semata-mata, kerajaan tidak mampu melaksanakannya”

Ahmed Razman Abdul Latiff,
Pengurus Pembangunan
Perniagaan Putra
Business School

➔ Pembinaan semula projek jadi pelengkap rangkaian rel, tingkat mobiliti pengguna

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Penyambungan semula projek Transit Aliran Massa 3 (MRT3), jika terlaksana, akan merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara khususnya dalam sektor pembinaan.

Ketua Ekonomi Bank Islam Malaysia Bhd, Dr Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata strategi untuk mengukuhkan pertumbuhan ekonomi domestik

adalah sesuatu yang wajar untuk dilaksanakan.

“Kita sedia maklum bahawa prospek ekonomi luaran adalah amat mencabar buat masa ini. Justeru, dalam aspek jangka panjang, kelestarian infrastruktur dapat meningkatkan produktiviti negara berikutan pergerakan pekerja yang menjadi lebih cekap di samping dapat memelihara alam sekitar menerusi pengurangan pengeluaran gas karbon.

“Selain itu, permintaan terhadap buruh mahir terutama graduan daripada sektor Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) kerana industri rel sememangnya memerlukan kepakaran dalam bidang ini,” katanya kepada BH.

MMC Corporation Bhd (MMC) bersama rakan kongsinya, Gamuda Bhd dilaporkan sudah menghantar cadangan alternatif kepada kerajaan bagi melaksanakan semula pembinaan Projek Laluan 3 Aliran Transit Massa (MRT3) pada kos yang lebih rendah.

Baru-baru ini, terdapat laporan

bahawa kerajaan akan melaksanakan semula projek MRT3 jika kosnya dapat dikurangkan separuh daripada kos asal yang dianggarkan RM45 bilion sebelum ini.

Pelengkap MRT1, MRT2

Projek MRT3 sebelum ini dirancang membabitkan jajaran sepanjang 40 kilometer dan ia adalah aliran pusingan yang melalui kawasan seperti Jalan Duta, Setiawangsa, Pandan Indah, Salak Selatan, Bandar Malaysia dan Kerinchi.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School, Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff pula berkata, projek MRT3 dilihat sebagai pelengkap kepada rangkaian rel MRT1 dan MRT2 kerana bakal memudahkan pengguna untuk bertukar-tukar stesen antara rangkaian, sekaligus meningkatkan mobiliti pengguna dan jumlah penumpang.

“Namun isu utama yang masih belum selesai sebenarnya berkaitan dengan kos pembiayaan

projek terbabit. Jika ia masih pembiayaan menerusi hutang semata-mata, sudah tentu kerajaan tidak mampu untuk melaksanakan projek ini.

“Namun jika kerajaan berjaya mendapatkan rakan kongsi yang sanggup menanggung untung rugi bersama melalui perkongsian ekuiti, ada kemungkinan kerajaan boleh mempertimbangkan untuk meneruskan projek MRT3 kerana dengan perkongsian 50-50 dan komitmen kerajaan dapat dikurangkan kepada separuh,” katanya.

Kos pembinaan projek MRT3 dikatakan boleh dikurangkan kepada RM22.5 bilion berbanding kos asal sebelum ini iaitu RM45 bilion.

Bagaimanapun, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dipetik berkata bahawa kos projek berkenaan masih terlalu tinggi untuk diteruskan.

Katanya, kerajaan tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi dan ia menyebabkan projek berkenaan perlu dihentikan pada masa ini.